

# Ketagihan pornografi rosakkan fungsi otak

**B**ERITA penangkapan seorang murid lelaki berusia 12 tahun di Batu Gajah, Perak ekoran didakwa merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun baru-baru ini bukan saja dianggap tidak masuk akal, malah terlalu jijik untuk dibayangkan.

Manakan tidak, dalam usia sebegini, kanak-kanak yang baru mencapai akil baligh sudah pandai mencari mangsa untuk melepaskan nafsunya dan ia terlalu awal bagi kitaran hidup manusia normal. Sangat mengaibkan!

Difahamkan, suspek bertindak sedemikian berikutan terpengaruh dan terangsang dengan video pornografi yang ditontonnya di telefon bimbit sebelum mencari mangsa bagi memuaskan keinginan dan nafsunya.

Adakah keadaan itu hanya mempengaruhi suspek sahaja? Atau sudah mula merebak ke pemikiran kanak-kanak lain sesuainya memandangkan pornografi begitu mudah ditonton ketika ini, lebih-lebih lagi menerusi telefon bimbit.

Jika tidak dibendung sebaiknya, tidak mustahil kanak-kanak terjebak dalam masalah rogol bukan lagi dianggap pelik, malah mungkin dilihat normal seperti kes pembuangan bayi yang menjadi norma kehidupan kini.

Menurut Pegawai Psikologi Universiti Putra Malaysia, Siti Fatimah Abdul Ghani, ketagihan pornografi bukan saja mampu meruntuhkan akhlak seseorang individu, tetapi budaya itu turut menjejaskan fungsi otak manusia.

Jelasnya, ketagihan bahan lucah turut menyebabkan bahagian tengah depan otak dikenali sebagai Ventral Tegmental Area (VTA) mengecil sekali gus mengganggu perkembangan fungsinya.

"Dalam keadaan cemas, otak manusia berputar antara dua hingga lima kali lebih cepat berbanding keadaan biasa dan ini menyebabkan otak seseorang individu mengalami gangguan dan tidak mampu berkembang sebaiknya.

"Ketagihan pornografi juga menimbulkan perubahan kepada bahan kimia neurotransmiter seterusnya melemahkan fungsi kawalan badan hingga menyebabkan mereka tidak mampu mengawal perilaku," katanya baru-baru ini.

Dalam konteks ini, individu yang mempunyai ketagihan terse-



but tidak mampu lagi mengimbangi perilaku diri malah boleh bertindak di luar kebiasaan seperti merogol adik beradik sendiri ataupun haiwan sebagai mangsa.

"Apa yang dilihat mereka semuanya akan menjadi positif sahaja walaupun keadaan tersebut adalah negatif. Contohnya, tindakan merogol mungkin dianggap sebagai bukan kesalahan walaupun ia secara faktanya adalah jenayah serius," ujarnya.

Jelasnya lagi, secara kebiasaan, ketagihan pornografi berkembang secara perlahan dan melalui beberapa peringkat sebelum mengalami ketagihan teruk yang ditonjolkan dengan tindakan impulsif, tidak ada rasa malu selain bersikap dingin.

Berikutan daripada perkembangan teknologi maklumat yang membolehkan pornografi diakses secara mudah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut menyekat sebanyak 4,318 laman lucah.

Peningkatan sekatan itu turut memberi gambaran bahawa ketagihan terhadap pornografi semakin serius dalam kalangan

rakyat Malaysia dan perlu diatasi segera.

SKMM turut menjelaskan bahawa tindakan boleh dikenakan kepada mana-mana individu yang menyalahgunakan internet seperti menyebarkan bahan lucah di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Justeru, semua pihak khususnya ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memastikan ketagihan pornografi dalam kalangan kanak-kanak dapat dibendung sebaiknya sekali gus mengelakkan kejadian buruk terus berlaku.

Jika diimbau kembali 20 tahun lalu, ketagihan bahan lucah dalam kalangan anak-anak muda mungkin jarang berlaku namun dengan wujudnya perkembangan teknologi maklumat, ia perlu diberi perhatian.

Pensyarah kaunseling Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Islam Universiti Sultan Azlan Shah, Rosdiana Shaharum menjelaskan, usaha melarang anak-anak perlu dimulakan sejak dari rumah.

"Ibu bapa perlu tegas dalam hal ini, sekatan dan had tertentu menggunakan telefon bimbit perlu dilaksanakan agar anak-anak terkawal dan tidak leka dengan keseronokan teknologi maklumat," jelasnya.

Kesimpulannya, andai tiada tindakan tegas daripada ibu bapa dan kerajaan amnya dalam menangani hal ini, belia hadapan Malaysia mungkin sekadar tengkorak hidup iaitu hidup malas, mati tidak mahu.